

WACANA PEMIKIRAN DAN PERADABAN UMMAH KE-4



سیمینار دعوه ناسیونال  
**Seminar Dakwah  
Nasional** 1433 H / 2012

Tema:

## Dakwah Islamiyyah Sebagai Kekuatan Ummah

8 – 9 Oktober 2012 / 22 - 23 Dzulqaedah 1433H

Dewan Merdeka, Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur

Tajuk:

### Peranan Dakwah Dalam Mendepani Kemelut Politik Semasa Malaysia

Pembentang:

**Datuk Mohd.Nakhaie Hj.Ahmad**

Anjuran:



**Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT)**

Dengan kerjasama:

Akhbar Rasmi



TV Rasmi



Radio Rasmi



## Peranan Dakwah Dalam Mendepani Kemelut Politik Semasa Malaysia<sup>1</sup>

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين والصلة والسلام على سيد المرسلين محمد ابن عبد الله والذين معه أشداء على الكفار رحمة بينهم ، اللهم افتح لنا ابواب رحمتك وألف بين قلوبنا وانصرنا على أعدائنا

Malaysia, terdiri daripada Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak adalah sebahagian daripada alam Melayu yang merangkumi ribuan kepulauan yang membentuk negara-negara Indonesia, Filipina, Brunei, dan Singapura. Semua kawasan ini berkongsi iklim yang sama, bahasa berlainan yang merendang dari pohon yang sama. Berkongsi kepelbagaiannya budaya yang serumpun. Bahkan turut berkongsi sejarah. Dengan kedatangan Islam terbina tamadun Melayu/Islam di alam Melayu ini, yang mengukuhkan lagi persamaan budaya dan cara hidup majoriti penduduk alam Melayu.

Penghijrahan penduduk dari satu tempat ke tempat yang lain, dari satu pulau ke pulau yang lain dalam perbatasan geografi alam Melayu tidak dianggap sebagai kedatangan orang asing. Orang baru yang datang dari daerah atau kepulauan lain di dalam lingkungan alam Melayu itu mudah disimilasikan ke dalam masyarakat tempatan dan mudah diterima sebagai sebahagian daripada penduduk asal. Penghijrahan itu sama dengan penghijrahan orang-orang Melayu Kelantan ke Pahang atau orang-orang Melayu Perak ke Kedah.

Alam Melayu terpisah hanya apabila penjajah menjadikannya beberapa negara yang mempunyai kedaulatan masing-masing. Peraturan emigrasi membataskan aliran penghijrahan dan menyekat kebebasannya. Tetapi perkongsian sejarah, persamaan budaya dan cara hidup tetap unggul dalam hubungan antara penduduk di alam Melayu yang berketurunan Melayu. Penghijrahan mereka berlaku secara

<sup>1</sup> Kertas ini untuk dibentangkan di **Seminar Dakwah Nasional 1433H/2012 siri Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke 4** bertemakan Dakwah Islamiah Sebagai Kekuatan Ummah pada 8 - 9 Oktober 2012 bersamaan 22 - 23 Dzulqaedah 1433H di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur dianjurkan oleh Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT).

bersahaja. Mereka mudah disimilasikan di mana jua mereka tinggal di mana-mana daerah di alam Melayu ini.

Kedatangan orang dari alam Melayu ke negara ini berbeza dengan kedatangan orang-orang Cina dan India. Terdapat dua keadaan mengenai kedatangan orang-orang Cina dan India ke Malaysia. Penghijrahan mereka ke negara ini sebelum kedatangan penjajah, adalah penghijrahan bersahaja kerana menjalankan urusan perniagaan dan sebagainya. Mereka mudah disimilasikan ke dalam masyarakat tempatan. Tetapi kedatangan mereka di zaman pemerintahan British adalah suatu perancangan dan konspirasi penjajah yang mempunyai niat jahat untuk kepentingan politik dan ekonomi penjajah. Mereka membawa masuk orang-orang Cina dan India secara besar-besaran untuk mengujudkan kontradiksi politik, sosial dan budaya yang setiap bangsa akan bergantung kepada British bagi menjaga kepentingan masing-masing. Sedangkan pihak British akan terus menguasai politik dan ekonomi negara ini dengan menjadikan pendatang-pendatang itu tenaga kerja bagi menampung kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan dan perlombongan yang dimonopoli oleh pengusaha-pengusaha British.

Sejarah kedatangan orang-orang Cina dan India ke negara ini dan perbezaannya dengan kedatangan orang-orang dari alam Melayu, serta kedatangan orang-orang Cina dan India sebelum kedatangan penjajah, tidak boleh dipadam. Ia tetap menjadi fakta yang tidak boleh dilupakan. Justeru, mereka yang cuba mengatur semula fakta sejarah dengan menyatakan kononnya orang-orang Melayu, Cina dan India kesemuanya adalah pendatang asing di negara ini, terdiri dari kalangan mereka yang tidak jujur dan tidak ikhlas dan mempunyai perancangan jahat bagi menafikan keadilan dan hak-hak yang sepatutnya diterima oleh mereka yang berhak. Mereka adalah konspirator yang sangat berbahaya.

Orang-orang Melayu dan kaum bumiputra lainnya di negara ini dari masyarakat serumpun yang bertapak di negari ini ribuan tahun dan mempunyai tamadunnya yang tersendiri. Masyarakat ini mempunyai sistem pemerintahannya di negara ini sejak ribuan tahun dan memiliki hasil-hasil ilmu pengetahuan yang menjadi tonggak perkembangan budaya dan tamadun mereka. Institusi raja-raja Melayu adalah institusi penting yang menjadi bukti kewujudan sistem pemerintahan yang unggul berteraskan Melayu/Islam di negara ini sejak zaman berzaman. Bahkan sastera klasik yang diwarisi dari tamadun ini masih segar untuk dijadikan bahan kajian.

Mereka yang berusaha mengubah bentuk sejarah negara ini berfahaman resis yang fanatik kepada kaum masing-masing serta menolak usaha pembentukan satu bangsa menerusi asimilasi budaya dan kehidupan dengan mengambil kira bahawa

teras pembentukan itu terdiri daripada latar belakang sejarah, budaya dan tamadun negara ini. Mereka berusaha mengubah sejarah dan meletakkan kaum mereka mempunyai kedudukan penting dalam sejarah negara ini. Usaha mereka itu adalah suatu usaha melakukan pembohongan dan pemalsuan fakta yang amat keji dan jelek. Sikap keji dan jelek ini amat berbahaya kepada usaha pembentukan sebuah negara yang mempunyai jatidiri dan bertapak di atas landasan kukuh untuk menyatukan rakyat sebagai satu bangsa.

Sikap meninggi diri dan beranggapan bahawa kaum sendiri lebih superior kerana hidup kaya raya, menikmati kemajuan yang lebih dari kaum lain, ditambah pula dengan sikap memandang rendah kepada kaum lain, khususnya kaum bumiputra, menyebabkan kebanyakan pemimpin mereka bersikap lupa daratan dan dengan angkuh menuntut pelbagai perkara yang diluar batas susila untuk kepentingan kaum sendiri, sehingga melukai perasaan kaum bumiputra. Mereka seolah-olah akan dapat menghadapi akibat buruk jika berlaku perbalahan dan pegaduhan antara kaum seperti yang berlaku dalam Peristiwa 13 Mei.

Antara tuntutan melampau mereka ialah mentut persamaan dan mengubah Perlembagaan negara supaya ditegakkan kesamarataan hak, agama dan sebagainya dengan menolak peruntukan-peuntukan yang bertujuan melindungi hak-hak kaum bumiputra. Sebahagian daripada pemimpin mereka menyertai perjuangan kaum liberal Barat dan membuat tuntutan melampau untuk memberi kebebasan kepada amalan homoseksual, lesbian, perkahwinan sejenis dan sebagainya, tanpa mempedulikan ajaran agama dan nilai-nilai agama yang dihormati dan dipandang tinggi oleh majoriti rakyat negara ini. Sikap tidak hormat terhadap ajaran Islam yang merupakan agama bagi negara ini, menunjukkan keangkuhan yang melampau. Seterusnya mereka mempersendakan asas pembentukan negara ini yang menjadikan keislaman dan kemelayuan sebagai kerangka pembangunan tamadun yang telah dipersetujui dalam kontrak sosial antara kaum yang diterjemahkan ke dalam perlembagaan negara.

Sikap mementingkan kaum sendiri tanpa menghormati pentingnya kekayaan negara dinikmati bersama secara adil dan berpendirian melampau di dalam membuat tuntutan untuk kepentingan kaum tertentu, bukanlah sikap yang sesuai dengan masyarakat majmuk yang memerlukan sikap bertoleransi dan bertimbang rasa terhadap kaum lain yang lemah dan memerlukan bantuan dan pembelaan. Sedangkan mereka bernasib baik kerana yang memegang kuasa politik ialah kaum bumiputra yang memberikan kepada mereka peluang yang seluasnya untuk maju dan berjaya dalam pelbagai lapangan, sehingga mereka menguasai ekonomi dan menikmati kehidupan lebih baik berbanding kaum bumiputra sendiri. Tidak puas dengan apa

yang diperolehi, mereka mendesak secara melampau untuk meluaskan bidang penguasaan mereka tanpa menghiraukan kepentingan rakyat Malaysia dari kaum yang lain. Jika mereka menguasai kuasa politik, sudah tentu peluang untuk kaum lain menikmati kehidupan yang sejahtera akan dinafikan dengan alasan bahawa kemajuan dan pembangunan dicapai mengikut merit. Kaum yang kurang dari segi merit akan dengan sendirinya tertinggal di belakang. Inilah yang akan berlaku sekiranya mereka menguasai kuasa politik. Di manakah keadilan dan kewajipan membantu mereka yang lemah untuk menikmati kehidupan yang saksama?

---

Bagaimanakah caranya untuk menghilangkan perasaan bongkak dan sompong yang kian berakar di kalangan kaum tertentu ini? Waktu mereka dalam keadaan daif dan miskin dan sebahagian mereka terpaksa menyerah anak-anak untuk dipelihara oleh orang-orang Melayu, mudah bagi mereka akur dengan apa jua langkah untuk bersatu dan diisimilasikan dalam masyarakat tempatan. Tetapi apabila sudah kaya dan kuat ditambah pula dengan “superiority complex” yang dialami sekarang, tidak mudah bagi mereka tunduk kepada dasar-dasar nasional untuk kepentingan bersama. Bahkan mereka akan mempengaruhi dasar-dasar nasional hanya untuk mengukuhkan kedudukan mereka dan meluaskan kepenti-ngan mereka di dalam pelbagai sektor untuk mencapai matlamat untuk memonopoli kuasa di tangan mereka.

Di era petadbiran Tun Abdul Razak dan Tun Husain Onn, kerangka pembangunan nasional, berjalan seiring dengan malamat yang termaktub dalam perlombagaan dengan dasar induk DEB. Keseimbangan kemajuan antara kaum kian menutup jurangnya. Langkah-langkah afirmatif yang telah diambil melonjakkan kemajuan orang-orang Melayu tanpa menyekat peluang kaum lain untuk terus bergerak menuju kemajuan. Golongan menengah Melayu yang berpengaruh berjaya diwujudkan dan telah memainkan peranan penting dalam usaha melonjakkan kemajuan negara. Perancangan pembangunan yang dirangka oleh golongan profesional dan birokrat Melayu, turut memberi peluang yang laus kepada kaum bukan Melayu untuk meraih keuntungan dan membina kekuatan ekonomi mereka sehingga berjaya menikmati kekayaan yang membanggakan dalam proses pembangunan yang walupun bergerak sederhana, tetapi seimbang.

Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, berusaha memacu kemajuan dengan lebih rancak lagi bagi mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Untuk itu dasar-dasar afirmatif yang dianggap sebagai tungkat tidak lagi sesuai. Persaingan di dalam srebuah negara berteraskan perdagangan dan perindustrian dengan mengutamakan merit perlu dihayati bagi menghasilkan lonjakan menuju negara maju. Langkah-langkah yang diambil itu cukup

sesuai untuk bergerak pantas menuju kemajuan. Tetapi bukan tanpa risiko. Kerangka kemelayuan dan keislaman dalam pembangunan negara menguncup dan fenomena liberal kian menyerlah. Bahasa Melayu kian terpinggir. Dasar-dasar pembangunan diformulasi dari atas ke bawah. Tidak sebagaimana era Tun Abdul Razak yang diformulasi dari bawah ke atas. Banyak institusi negara di zaman Tun Abdul Razak yang ditubuhkan kerajaan, bagi menggerakkan pembangunan negara adalah hasil resolusi seminar dan kongres yang dianjurkan sama ada oleh kerajaan atau pun rakyat. Di zaman Tun Mahathir idea-idea pembangunan dihasilkan daripada pengalaman-pengalaman beliau dari lawatan-lawatan ke luar negara dan perbincangan dengan pakar-pakar dari dalam dan luar negara. Kemajuan negara di zaman Tun Mahathir sangat menyerlah dan melonjak Malaysia ke persada dunia sehingga dikenali di mana-mana. Ia muncul sebagai negara Islam termaju dari segi keupayaan bersaing, kemantapan ekonomi, kemajuan pengurusan, pendidikan dan sains dan teknologi.

Bagaimana pun penamatan dasar-dasar afirmatif memberi kesan teruk kepada usaha memajukan orang-orang Melayu dan sekaligus gagal mengerakkan mereka menjadi masyarakat perdagangan dan perusahaan sebagaimana yang dihasratkan oleh Tun Dr. Mahathir. Tun Dr Mahathir mempunyai pandangan dan langkah-langkah tersendiri bagi memajukan orang-orang Melayu dan umat Islam. Iltizam beliau untuk memajukan orang Melayu dan hasratnya yang berkobar untuk kejayaan umat Islam, tidak perlu diragukan. Untuk maju orang-orang Melayu perlu didedahkan di glombang persaingan, tanpa bergantung kepada tongkat untuk terus maju ke hadapan. Dengan semangat “Malaysia Boleh” beliau mengharapkan orang-orang Melayu akan bertungkus lumus dengan penuh semangat bagi meraih kejayaan daripada peluang-peluang yang tersedia dalam proses pembangunan yang sedang berlaku. Beliau membuka ruang luas kepada semua rakyat, menerusi pembangunan negara menuju sebuah negara maju dengan menhgambil langkah-langkah liberalisasi dan mengurangkan dasar-dasar afirmatif. Pelbagai projek mega dilaksanakan untuk melonjak negara mengham-piri status negara maju.

Tetapi apa yang beliau kehendaki daripda orang-orang Melayu itu belum wujud di kalangan orang-orang Melayu sendiri. Bahkan golongan-golongan yang dipilih oleh beliau untuk memiliki jiwa dan semangat yang dikehendaki beliau itu yang dijadikan anak emasnya, juga tidak menjadi. Mereka mengkhianati cita-cita beliau dan tidak berusaha untuk membentuk dan memperkasakan komuniti perdagangan dan perusahaan Melayu. Sebaliknya, mereka hanya membolot peluang yang dianugrahkan untuk memperkayakan diri sendiri. Di akhir pemerintahan beliau Dr. Mahathir sempat meluahkan kekecewaan kerana gagal menolong orang-orang Melayu. Yang sebenarnya, ruang luas yang dibuka untuk bersaing melalui liberalisasi pembangunan

tidak mampu dipikul oleh orang-orang Melayu yang masih mencari-cari kaedah terbaik untuk berubah dan membina kekuatan daya saing mereka. Peluang keemasan yang dibuka melalui dasar liberalisasi pembangunan negara ini sebahagian besarnya diraih oleh orang-orang Cina dan sebahagian yang lain oleh orang-orang India. Orang-orang Melayu menggigit jari. Anak-anak didik Dr. Mahathir terhumban akibat krisis kewangan yang melanda. Kadar pemilikan kekayaan orang-orang Melayu yang mencapai 20% di zaman DEB menurun ke tahap lebih rendah. Kadar pura pendapatan isi rumah orang-orang Melayu terendah jika dibandingkan dengan pendapatan isi rumah orang-orang Cina dan India. Di era pemerintahan Tun Dr. Mahathir, negara menjulang ke persada dunia. Tetapi orang-orang Melayu terhimpit oleh arus pembangunan di negara sendiri.

Kekayaan orang-orang Cina yang dapat dikumpul mereka dari peluang liberalisasi Tun Dr. Mahathir menaikkan tocang mereka secara beransur. Mereka mula mendengar suara-suara sumbang keangkuhan daripada para pemimpin mereka yang “chauvinistic” dan mula menyahut suara-suara sumbang itu. Mereka mula menyerlahkan kesombongan mereka dalam pilihanraya ke 12.

Yang menyebabkan berlaku kesombongan kaum Cina itu bukan sahaja kejayaan ekonomi yang diperolehi daripada peluang liberalisasi tajaan Tun Dr. Mahathir, tetapi juga disebabkan perlakuan jelek orang-orang UMNO yang dipimpinnya dan penerusan kepimpinan Tun Abdullah Badawi yang lemah serta kepimpinan Dato’ Seri Najib yang terpaksa berhadapan dengan kesombongan kaum Cina dan perlakuan jelek kuncu-kuncu UMNOnya yang tidak sedar diri. Gabungan antara kesombongan kaum Cina dan kejelekan kelakuan orang-orang UMNO menimbulkan situasi politik yang rumit di Malaysia sekarang. Keadaan itu membuka kesempatan kepada Pakatan Pembangkang yang dipimpin oleh Dato’ Seri Anwar Ibrahim meneguk di air keruh. Sedangkan beliau seorang yang sangat diragukan keikhlasannya sebagai pejuang bangsa dan agama. Bahkan beliau sering menerima tuduhan sebagai boneka Yahudi dan seorang pemimpin yang tidak bermoral.

Pakatan Pembangkang yang disertai PAS, PKR dan DAP membuka gelanggang persilatan politik dengan membawa pelbagai rentak sepak terajang yang memeningkan kepala rakyat. Gelombang kekeliruan di kalangan rakyat makin terasa lambongannya. Rakyat mungkin dihanyut kekeliruan itu dan negara akan behadapan dengan krisis politik yang membawa kepada keadaan tidak stabil selepas Pilihanraya ke 13 nanti. Melainkan jika rakyat berjaya keluar daripada kekeliruan menjelang pilihanraya tersebut dan memilih kerajaan dengan penuh berhati-hati serta mengutamakan kesetabilan negara mengatasi fanatik kepar-tian dan perkauman.

## Asas Pembentukan Negara ini.

Perjuangan kemerdekaan negara ini dipelopori orang-orang Melayu dan hasil pengorbanan mereka. Hanya segelintir orang-orang Cina dan India menyertainya. Kebanyakannya terdiri daripada mereka yang sudah bermustautin di negara ini beberapa generasi terdahulu yang mempunyai perasaan bahawa Tanah Melayu telah menjadi negara mereka. Perasaan itu mendorong mereka membuat tuntutan supaya mereka dilayani sama seperti layanan diberikan kepada orang-orang Melayu. Tuntutan itu menjadai agenda politik mereka. Kebanyakan tuntutan politik adalah disuarakan oleh orang-orang Cina Negeri Selat dan ia tidak mewakili semua orang Cina yang tinggal di Tanah Melayu. (Hasnah Husiin, dalam Pemikir, Julai-September 2012:73)

Kebanyakan orang-orang Cina dan India menjelang kemerdekaan negara ini, terutama dari kalangan mereka yang masuk ke negara ini di bawah dasar pintu terbuka British, atau dengan kata lain mereka yang dibawa masuk oleh British, tidak merasai bahawa negara ini negara mereka. Mereka terus berkiblat ke negara masing-masing. Mereka berpolitik mengikut rentak politik di negara mereka. Saya masih ingat dalam tahun lima puluhan, gambar-gambar Sun Yet Sin dan Chiang Kai Shik, masih bergantungan di kedai-kedai orang Cina di Pekan Kupang. Mereka terbahagi kepada dua golongan. Penyokong Parti Nasionalis dan parti Komunis yang dipimpin Mao Zedong.

Pemberontak Komunis yang lari ke hutan setelah perang Dunia Kedua, adalah daripada pengikut Maoist. Walaupun tidak ke semua penyokong Parti Komunis itu tidak masuk de dalam hutan, tetapi berperanan menyebarkan faham komunis di kalangan orang-orang Cina di negara ini. Mereka meresap masuk ke dalam golongan pelajar-pelajar sekolah Cina dan pertubuhan-pertubuhan Cina di negara ini. Gerakan mereka menjadi sebahagian gerakan komunis Cina yang bertujuan menjadikan negara ini negara Komunis di bawah payung negara Komunis Cina. Bukan tujuan mereka memerdekan negara ini sebagai sebuah negara merdeka yang bebas. Justeru, mereka bukan pejuang-pejuang kemerdekaan negara ini. Percubaan mengiktiraf mereka sebagai pejuang kemerdekaan dari sesetengah pihak, adalah suatu pembohongan keji dan pembelot yang tidak memahami hakikat sejarah.

Pengikut-pengikut Parti Nasionalis, walaupun masih terikat kepada politik negara mereka, tetapi mula beralih sikap setelah penubuhan MCA yang dipimpin Tan Cheng Lock. Untuk makluman, beliau ini sudah bermustautin di negara ini beberapa generasi dan dari kalangan Baba Melaka. Kebanyakan orang Cina dari kalangan penyokong Parti Nasionalis menyertai MCA dan mula berusaha menyesuaikan diri dan ingin menjadikan negara ini sebagai negara mereka. Masalah utama mereka untuk tujuan itu ialah kerakyatan. Mereka masih tidak diakui sebagai rakyat dan kerakyatan negara ini pula dicorakkan mengikut rakyat kepada raja-raja di setiap negeri. Mereka yang tinggal di negeri-negeri Selat pula adalah sebagai rakyat British.

Sebahagian daripada orang-orang Cina tidak menghiraukan politik. Tujuan mereka ialah untuk mencari rezeki dan akan pulang ke kampong halaman mereka dengan rezeki melimpah ruah yang mereka perolehi di negara ini. Mereka lebih mementingkan kepentingan dan survival masing-masing. Untuk itu mereka berusaha menjaga kepentingan mereka dan bersaing untuk mendapat rezeki sebanyak mungkin. Pesaingan itu menyebabkan mereka menubuhkan kumpulan-kumpulan sulit berdasarkan etnik seperti pertubuhan rahsia Hai San dan Gee Hin.

Penubuhan Parti Perikatan oleh Tunku Abdul Rahman, terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC, serta kempen-kempen yang dijalankan oleh pemimpin ketiga-tiga parti ini, banyak mengubah sikap orang-orang Cina dan India. Penekanan supaya mereka memberikan ta'at setia kepada negara ini banyak membawa perubahan sikap di kalangan mereka dan mula membina perasaan bahawa negara inilah negara mereka. Sebagaimana yang disebutkan masalah utama mereka untuk menjadikan negara ini sebagai negara mereka ialah kerakyatan. Masalah ini diberikan penekanan penting oleh pemimpin-pemimpin MCA dan MIC dan dipersetujui oleh UMNO melalui tolak ansur antara pemimpin-pemimpin ketiga-tiga parti tersebut. Pendirian UMNO di dalam perkara ini diperjelaskan di dalam konvensyen antara pemimpin-pemimpin Melayu yang dihadiri wakil-wakil pertubuhan Melayu, termasuk PAS. PAS yang diwakili Dato' Asri menolak tolak ansur tersebut dan menentang pemberian kerakyatan kepada orang-orang Cina dan India yang masih berstatus pendatang.

Persetujuan memberikan kerakyatan kepada orang-orang asing itu, diimbangi dengan pengakuan dan pengiktirafan orang-orang Cina dan India mengenai asas kemelayuan dan keislaman negara ini. Justeru, mereka menerima dan mengiktiraf hak-hak istimewa orang Melayu, kedudukan raja-raja Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Islam sebagai agama negara. Keempat-empat perkara itu dan penyelsaian masalah kerakyatan dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang dengan jelas menentukan sifat kemela-yuan dan keislaman dalam pembentukan

negara ini dan acuan tamadunnya dalam proses pembangunan sebuah negara bangsa di masa hadapan.

Hanya dengan kehendak Allah S.w.T juga, nas perlembagaan mengenai Islam berakhir dengan ayat “Islam is the religion of the Federation and other religion may be practice in peace and harmony.” Perkataan sekular tidak dimasukkan untuk dijadikan penjelasan keterbatasan peranan Islam sebagai agama negara. Walaupun di luar perlembagaan itu gamat dibincangkan dan dibicarakan, bahkan dijelaskan bahawa negara ini adalah negara secular, walaupun Islam sebagai agama rasmi. Tetapi gamat di luar itu tidak mempunyai nilai undang-undang. Yang menjadi nilai sebenar ialah butiran yang termaktub di dalam perlembagaan itu yang begitu jelas sekali bahawa status Islam bukan sekadar agama rasmi, tetapi agama bagi negara. Dengan perkataan lain, negara ini adalah negara beragama dan agamanya ialah Islam.

Ceteklah pemikiran mereka yang berpendapat bahawa sifat kemelayuan dan keislaman negara ini menjadikan negara ini sebuah negara perkauman dan mengamalkan diskriminasi atau dengan bahasa lain sebuah negara apartheid. Kemelayuan dan keislaman adalah jatidiri dan acuan pembinaan tamadunnya. Jika negara-negara Barat membina tamadunnya berteraskan budaya, agama dan sejarahnya di Barat, maka begitulah negara ini mempunyai acuan dan kerangka pembangunan tamadunnya yang tersendiri. Hanya mereka yang bergerak dalam acuan itu dan beriltizam dengan kerangka itu layak dinamakan rakyat Malaysia yang sebenar yang memiliki dan menghayati harapan dan halatuju bersama bagi sebuah negara bangsa yang bercita-cita tinggi. Di sinilah terjalannya asas dan ikatan bagi perpaduan kebangsaan yang sebenar. Jika setiap kaum dan kelompok masyarakat mempunyai cita-cita yang berbeza dan matlamat bersimpang siur, tidak mungkin akan lahir perpaduan sebagai bangsa bagi sebuah negara yang merdeka.

Kemelayuan tidak memberi makna hanya orang Melayu atau terbatas dalam kelompok masyarakat Melayu. Istilah Melayu di dalam perlembagaan tidak diasaskan kepada kaum atau etnik. Ia berasaskan kepada agama dan budaya. Pengertian yang berasaskan kepada agama dan budaya itu, terbuka untuk semua rakyat tanpa mengira keturunan bangsa. Jika sesiapa sahaja dari kalangan rakyat negara ini mahu melengkapkan diri mereka sebagai rakyat yang sebenarnya, mereka harus menyesuaikan diri dengan kerangka agama dan budaya negara ini, iaitu kemelayuan dan keislaman. Mereka menjadi rakyat yang selengkapnya, jika mereka menerima keadaan itu. Menjadi rakyat Malaysia yang sebenarnya, mestilah bergerak dalam kerangka pembangunan negara yang beracuan kemelayuan dan keislaman. Dengan itu, mereka turut diberikan hak-hak istimewa sebagai-mana orang-orang Melayu.

Kehendak Perlembagaan dan matlamat perjuangan kemerdekaan tidak dihayati dengan penuh jujur. Jika dihayati dengan kesungguhan, setelah 55 tahun merdeka, perpaduan nasional berteraskan keislaman dan kemelayuan itu, telah terbentuk dengan kerangkanya yang jelas dan halatujunya yang terang. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, menyedari hakikat perpaduan nasional ini tidak akan tercapai dalam keadaan kemajmukan yang penuh dengan kontradiksi agama dan budaya. Beliau menubuhkan PERKIM dan menggerakkan pertubuhan itu untuk menjalankan usaha pengislaman kaum-kaum bukan Melayu yang belum beragama Islam. Dengan bantuan Tun Mustafa, PERKIM dan USIA menjalankan usaha pengislaman kaum Bumiputra di Sabah. Melalui BINA, Tun Abdul Rahman Ya'kub melaksanakan agenda yang sama dengan sokongan Tunku Abdul Rahman. Saya masih ingat dalam tahun 1973, dalam Kongres Ekonomi Islam Ke 2, Tun Abdul Rahman Ya'kub mencadangkan supaya ditubuh Yayasan Dakwah Islamiah dan dipersetujui oleh Tun Abdul Razak yang telah mengisytiharkan penubuhannya pada tahun 1974. Tujuannya ialah untuk menjadikan dakwah sebagai program nasional. Malangnya, YADIM sejak penubuhannya menjadi sebuah institusi yang "hidup segan mati tak mahu." Program nasional yang sangat penting untuk menyatukan rakyat berbilang kaum dan agama dalam acuan kemelayuan dan keislaman ini, hanya diberi peruntukan RM1 juta sahaja setahun. Bukan kerajaan tidak bersedia membayai pergerakannya, tetapi bajet yang kecil itu ialah kerana tiada perancangan yang dibuat untuk tujuan dakwah. YADIM lebih banyak diisi dengan agenda politik sahaja.

Saya telah diberi kesempatan untuk memimpin YADIM oleh Tun Dr. Mahathir pada tahun 2000-2009. Saya hadhir dalam Kongres Ekonomi ke 2 itu dan mengikuti perkembangan YADIM daripada mula ditubuhkan, mendengar sendiri daripada ucapan Tun Abdul Rahman Ya'kub yang mengemukakan cadangan itu dan penjelasan sampingannya di luar sesi perbincangan, memahami apakah tujuan yang tersurat dan tersirat YADIM ditubuhkan. Saya cuba menghayati YADIM sebagai institusi dakwah nasional dan mengembalikannya kepada tujuan ia ditubuhkan. Fokus saya ketika itu ialah membangunkan prasarana dakwah dengan melibatkan para ulama', intelektual, pertubuhan dakwah dan masyarakat di dalam gerakan dakwah. Dasar Dakwah Baru diperkenalkan dan perancangan lima tahun pertama dan kedua dilaksanakan. Saya memohon peruntukan kewangan daripada kerajaan dengan jumlahnya yang sesuai mengikut perancangan itu. Permohonan peruntukan YADIM tidak pernah dikurangkan jumlahnya. Bahkan ketika saya memohon peruntukan tambahan juga tidak pernah ditolak. Malangnya, setelah saya bersara Dasar Dakwah Baru terbenam di dalam buku dan rancangan lima tahun pertama dan kedua yang disusun, tinggal

sebagai rancangan kosong yang tidak diteruskan. Saya hanya boleh mengeluh “Wal hasil balik asal.”

## **Acuan Keislaman dan Kemelayuan Tidak Membawa Kemelut.**

Perubahan adalah sunnah Allah S.w.T. Sedangkan sunnah yang ditetapkan itu tidak berubah. Sunnah perjalanan alam merupakan hukum yang tetap selagi Allah S.w.T menghendakinya. Tetapi apabila manusia mengikut sunnah itu menuju ke arah menaik, maka manusia akan menaik dan jika manusia mengikut sunnah itu menuju jalan menurun, maka manusia akan menurun. Naik dan turunnya perjalanan hidup manusia adalah merupakan perubahan yang berlaku di dalam masyarakat manusia dan persekitarannya, berdasarkan laluan yang dilaluinya.

Setelah kemerdekaan dicapai dalam tahun 1957, perubahan berlaku dari suatu keadaan kepada keadaan yang lain di negara ini. Perubahan terus berlaku mengikut perancangan dan perlakuan para pemimpin dan rakyat di negara ini. Ia berlaku dalam segenap bidang menuju hala menaik dan tidak kurang pula menuju hala menurun dalam proses pembangunan dan pengisian erti kemerdekaan.

Oleh kerana kertas kerja ini secara khusus berkaitan dengan politik dan dakwah, saya memfokuskan kepada fenomena kedua-dua lapangan ini untuk melihat arah menaik dan menurun dalam kedua-dua lapangan ini. Dakwah yang saya maksudkan ialah usaha-usaha pembangunan dan pengembangan Islam dari segi mengajak manusia menganut agama Islam, mengurangkan pandangan negatif sesetengah orang terhadap Islam, perkembangan institusi dan sistem Islam dan perkara yang berkaitan dengan perleksanaan Islam di negara ini, peng-hayatan masyarakat terhadap ajaran Islam serta corak dan bentuk pendekatan dan usaha para pendakwah dalam mengembangkan ajaran Islam serta kesan-kesan yang terdapat dalam masyarakat Islam khasnya dan masyarakat Malaysia umumnya.

Secara makro kita melihat arah menaik yang ketara dalam perkembangan dan pembangunan Islam di negara ini. Institusi pendidikan Islam dari peringkat rendah ke peringkat pengajian tinggi bekembang pesat dan peluang mempelajari Islam terbuka luas untuk rakyat negara ini, sama ada di dalam dan di luar negara. Bermula dari era kebangkian Islam pada tahun 1970an perkembangan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan Bahasa Arab telah melalui satu ledakan yang drastik (Zamri Arifin: 2008) Perkembangan ini turut digerakan oleh pihak swasta, selain daripada kesungguhan kerajaan melaksanakannya.

Ekoran daripada timbulnya kesedaran Islam yang mendalam di kalangan masyarakat Islam dan keperihatinan pihak kerajaan dan swasta di atas kecenderungan mereka iaitu diperkenalkan beberapa produk perbankan Islam seperti *al-Mudharabah*, *al-Wadi'ah*, *al-Rahn* dan sebagainya (Zawiyah Haji Mat: 2008) Sistem perbankan Islam yang merupakan tulang belakang kepada sistem kewangan Islam, memainkan peranan penting dalam menggerakkan deposit dan menyediakan keperluan kewangan untuk pertumbuhan ekonomi. Perbankan Islam kini diwakili oleh 33 institusi perbankan Islam, terdiri daripada dua per-bankan Islam dan 31 dijalankan oleh perbankan konvensional yang menawarkan produk-produk dan perkhidmatan perbankan Islam di bawah skima perbankan Islam (BNM, The Islamic Financial System 2003)

Industri takaful terus berkembang pada tahun 2004 selaras dengan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Kesemua penunjuk utama industry menunjukkan pertumbuhan positif. Gabungan pendapatan caruman bersih takaful keluarga dan am meningkat 10.8% kepada RM 1.1 bilion. Manfaat dan tuntutan bersih yang dibayar oleh industry takaful meningkat 34.7% kepada RM377.3 juta. (BNM: Takaful: Laporan Tahunan 2004, h. A3)

Institusi Zakat juga berkembang dengan pesat setelah dipermodenkan Pusat Kutipan Zakat. Jumlah kutipan di seluruh negara mencapai angka lebih daripada RM500 juta. Justeru, keupayaan membantu asnaf yang berhak telah meningkat. Kajian membuktikan bahawa agihan zakat, telah memberi kesan dengan mengurangkan kadar kemiskinan. Agihan zakat mengurangkan 30% responden daripada golongan fakir kepada golongan miskin. Agihan zakat juga telah mengeluarkan 10% responden daripada garis kemiskinan berbanding sebelum agihan zakat dibuat. (Fuadah Johari & Patmawati Haji Ibrahim: 2007, h. 86) Kerajaan Pusat pada tahun 2004 telah menuahkan Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat untuk mempermudah lagi pengurusan ketiga-tiga bidang ibadah itu yang jelas membantu perkembangan Islam dan pengukuhan institusi Islam di negara ini.

Kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan Islam seperti yang disebut di atas, tidak mendatangkan apa-apa kemelut politik, kecuali isu-isu kecil yang dibangkitkan oleh beberapa orang politikus untuk memancing pengaruh dan menimbulkan keraguan terhadap perlaksanaan Islam. Pada hal orang-orang bukan Islam turut memainkan peranan memajukan sistem Islam itu khusunya di lapangan kewangan dan takaful. Mereka bukan sahaja tidak menimbulkan masalah tetapi juga turut mendapat manfaat yang besar daripada pelaksanaan sistem Islam. Bahkan, ternyata

mereka mengambil peluang daripada pelaksanaan sistem kewangan Islam itu bagi mengembangkan perniagaan mereka. Penglibatan mereka di dalam pembangunan industry halal membuktikan bahawa program-program pengislaman yang bersifat *Rahmatan Li al-alamin*, tidak mendatangkan kemelut politik dan sosial, bahkan disertai dengan partisipasi yang aktif oleh masyarakat bukan Islam. Industri halal dibangunkan dengan progresif sebagai penyumbang yang signifikan kepada ekspot negara. Bahkan makanan halal telah dijadikan kerajaan sebagai strategik tumpuan dalam perancangan induk industri Negara (MATRADE: Malaysia Exporter of Halal Products Directory, 2006, h.v.)

Acuan keislaman dalam ertikata yang sebenarnya sebagaimana yang dituntut oleh Islam, mendatangkan kebaikan kepada semua rakyat dan pembentukan negara ini berasaskan acuan tersebut, membawa kebaikan kepada negara ini, sekiranya ia dilaksanakan secara semestinya dalam pembangunan negara ini.

Bahkan, perpaduan di kalangan orang-orang Melayu yang merupakan golongan majoriti masyarakat Islam dan masyarakat Malaysia, merupakan tuntutan Islam, memberi manfaat kestabilan politik kepada negara ini. Kekuatan masyarakat teras adalah penting bagi mengujudkan kesetabilan. Ia akan mengurangkan konflik dan memberi ruang yang luas kepada pihak berkuasa di kalangan mereka untuk menegakkan keadilan dan meneruskan agenda pembangunan. Apalagi jika program pengislaman kaum-kaum bukan Melayu diteruskan sehingga majoriti besar rakyat Malaysia terdiri daripada orang-orang Islam. Perpecahan di kalangan masyarakat Melayu sekarang ini, menggamt kemelut dan ketidak-stabilan yang akan mara, sekiranya masalah perpaduan dipandang remeh.

Hala tuju menaik di dalam pengisian acuan keislaman dan kemelayuan itu, tidak syak lagi adalah hasil daripada kesedaran dan kebangkitan Islam serta suara lantang gerakan dakwah yang berusaha membetulkan hala tuju negara. Kesedaran Islam di kalangan muda terpelajar pada ketika itu, memberi impak yang cukup besar kepada perubahan. Mereka mendewasa dalam pengisian jawatan-jawatan penting negara yang bertanggungjawab membuat perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan negara. Tanpa kesedaran keislaman mereka tidak mungkin arah menaik dalam pengisian keislaman acuan negara ini akan berlaku. Begitu juga gerakan dakwah yang berkesan memberi kesedaran kepada rakyat untuk menilai kebolehan dan keupayaan kerajaan di dalam menentukan hala-tuju masyarakat dan negara.

Jika kita mengambil kira pembangunan prasarana dan kemudahan kesihatan dan sebagainya, kita dapati kualiti hidup rakyat Malaysia bertambah baik dan ini juga harus diambil kira sebagai pengisian kepada agenda keislaman dan kemelayuan yang tidak banyak menimbulkan kemelut politik. Begitu juga di dalam usaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat.

### **Hala Menurun Bagi Acuan Keislaman dan Kemelayuan.**

Acuan yang termaktub dalam Perlembagaan negara ini, jika diabai dan diselewengkan menjadi petanda pengkhianatan perjuangan kemerdekaan. Walaupun upacara sambutan kemerdekaan setiap tahun disusun meriah dan secara besar-besaran, ia tidak membawa makna apa-apa sekiranya perjuangan kemerdekaan itu dikhianati oleh generasi baru bangsa ini. Dengan pengkhianatan itu negara kita kehilangan arah dan hala-tujunya yang sebenar. Perjalannya terumbang ambing seperti bahtera yang dipukul gelombang besar. Ia mengalami ancaman ditelan ombak besar itu. Kerangka pembinaan ketamadunannya seperti tiada matlamat dan hala tuju. Terpesona dan hanya sekadar terpesona dengan tamadun dan budaya Barat, tidak membawa kita kemana. Sebuah negara merdeka semestinya memiliki hala tuju sendiri di dalam pembentukan dan perkembangan tamadunnya.

Apabila gerakan dakwah dan kesedaran Islam di negara ini, kian dihanyut kejayaan dan para penggeraknya dilihat berharga dalam pasaran politik, mulalah mereka menawarkan diri di pasaran itu. Pada hal persiapan organisasi dan prasarana dakwah dan persiapan iman, pengetahuan dan mental, belum bersedia menceburi simpang siur politik yang penuh dengan kemunafikan. Dunia politik yang perlu sentiasa diimbangi gerakan kesedaran dan keinsafan massa, mula mengambil tempat dominan dalam pemikiran rakyat. Kekuatan pergerakan dakwah yang menjadi kekuatan pengimbang, kian terhakis dan tidak tersusun. Keadaan ini memberi ruang kepada pelbagai kefahaman dan ideologi, menyerap masuk dan mengganggu acuan keislaman dan kemelayuan, sehingga simpang siur pemikiran kita kehilangan arah dan hala tujunya. Untuk merengkaskan bicara saya paparkan sahaja di sini akibat daripada keadaan ini yang dialami negara kita kebelakangan ini.

Muncul ketidak-keseimbangan ketara dalam pembahagiankekayaan ekonomi di Negara ini antara masyarakat Islam dan bukan Islam, impak daripada liberalisasi ekonomi yang melonjakkan kemajuan negara tetapi meminggirkan masyarakat Melayu. Pencapaian ekonomi orang-orang Melayu dikatakan menurun daripada 20% kepada hanya 18% di era pasca DEB. Dasar keislaman “Islam Hadhari” ditentang

sendiri oleh masyarakat Islam sehingga ia berkubur sebelum dilaksanakan. Pada hal matlamat yang hendak dicapainya memenuhi ciri-ciri *Rahmatan Li al-Alamin* yang akan mendatangkan manfaat kepada seluruh rakyat. Trend penentangan kepada agenda keislaman ini didorong oleh mentaliti liberalisme dan oleh kecemburuan politik yang tidak mahu melihat Islam itu dilaksanakan oleh orang lain pada masa ini, sehingga kelompok politik yang kononnya memperjuangkan Islam itu berada di tumpuk kekuasaannya. Kecemburuan yang memperlhatkan fenomena politik yang dipandu oleh sifat-sifat mazmumah. Kelemahan dalam pendekatan dan jentera penjelasan dasar itu juga berperanan dalam pengkebumian dasar itu sebelum ia dilaksanakan.

Gerakan hak asasi manusia, kebebasan dan persamaan gender, sebagai agenda acuan tamadun sekular Barat, turut mengembangkan sayapnya di negara ini. Tidak terbayang oleh kita bahawa setelah setengah abad negara ini mencapai kemerdekaan, muncul desakan supaya dibenarkan perkahwinan sejenis, diakui dan diiktiraf homoseksual dan lesbian dan dihapuskan undang-undang yang melarang perzinaan sekiranya dilakukan secara suka sama suka. Alasannya ialah kerana semua ini adalah hak asasi manusia. Jika melakukan kemungkaran diktiraf sebagai hak asasi manusia, mengapa diadakan undang-undang mengcegah rogol, menghukum pencuri dan sebagainya. Status kemungkarannya dari segi moral adalah sama dan kesan terhadap kepincangan sosial adalah serupa.

Tidak terbayang akan muncul gerakan liberalisme dan pluralisme agama di dalam negara ini yang agamanya adalah Islam. Apalagi yang menggerakkan fahaman ini, dahulunya adalah tokoh-tokoh harakah Islam. Di Indonesia,faham ini sudah mula mengakar dalam masyarakat dan berkembang pesat sehingga memiliki universiti sendiri, radio sendiri, menguasai beberapa buah universiti Islam negeri. Tokoh-tokohnya disanjung sebagai intelektual Islam terbilang. Perkembangan di Indonesia itu, kemudiannya mengalir ke negara ini dengan lebel yang sama iaitu Islam Liberal yang mendukung faham pluralism John Hick dan diperkuatkan dengan teori-teori transenden Husain Nasr dan lain-lain.

Hala menurun makin bertambah nyata dengan gejala kebejatan sosial di kalangan masyarakat Melayu. Pembuangan bayi hasil perzinaan di kalangan remaja dan dewasa, penagihan dadah, mat rempit dan sebagainya, merupakan perkembangan menurun yang ditandai oleh kepincangan moral dan kerapuhan budaya. Indeks rasuah dan jenayah yang meningkat juga merupakan gejala penurunan di dalam proses pembangunan negara ini.

Orang-orang Melayu juga ketinggalan di dalam pelajaran, walaupun negara ini mencapai kemajuan yang membanggakan dari segi penyediaan kemudahan dan prasarana pendidikan. Peluang yang begitu luas untuk menimba ilmu dan meningkatkan pengetahuan, kurang direbut oleh orang-orang Melayu. Pencapaian mereka dalam bidang ini juga rendah di bandingkan dengan orang-orang bukan Melayu, jika dilihat kepada keputusan-keputusan peperiksaan dari peringkat UPSR, PMR, SPM,STPM dan Pengajian Tinggi, dari tahun-tahun 1997-1998. (Lihat Isahak Haron - 2001)

Pengaruh pemikiran sekular Barat yang menular dalam masyarakat kita, mengundang kemelut politik di negara ini. Tuntutan supaya Perlembagaan negara dipinda bagi mengujudkan kesamarataan rakyat pelbagai kaum, menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan orang-orang Melayu. Begitu juga dengan tuntutan menghapuskan peruntukan mengenai hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan institusi raja-raja Melayu.

Perpecahan di kalangan orang-orang Melayu merupakan fenomena yang menghakis pengisian keislaman dan kemelayuan negara ini. Ia melemahkan kuasa tawar menawar politik dengan orang-orang bukan Islam. Walaupun rakyat bukan beragama Islam adalah minoriti, tetapi perpecahan di kalangan orang-orang Melayu menyebabkan mereka menjadi penting di dalam menentukan kuasa politik di negara ini. Mereka mula membuat tuntutan-tuntutan melampau, kerana mengetahui peluang untuk meraih sebanyak mana yang mungkin daripada kelemahan politik orang-orang Melayu. Peringatan Allah S.w.T sebagaimana firmanNya،  
وَلَا تَنْزَعُوا فَنَقْشُلُوا وَتَذَهَّبُ رِيحُكُمْ، tidak dihiraukan oleh orang-orang Melayu dan mereka terus berpolitik mengikut rentak yang bertentangan dengan peringatan Allah S.w.T. Mereka sedikit pun tidak gentar menghadapi natijah daripada melanggar peringatan itu. Bahkan desakan supaya perpaduan ditegakkan dianggap sebagai retorik politik pihak berkepentingan.

Setelah 55 tahun merdeka, kita bukan sahaja gagal menyatukan seluruh rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, tetapi kita juga gagal menyatukan orang-orang Islam sendiri. Mereka bukan berfikir mengikut jalur ukhuwwah Islamiyyah, tetapi berfikir dan bertindak mengiku jalur politik kepartian dan ketaksuhan kepada puak dan golongan.

Aliran menurun di dalam mengisian acuan keislaman dan kemelayuan negara ini, jelas sekali mengundang bencana. Hala penurunan di dalam pengisian acuan keislaman dan kemelayuan yang menjadi teras kepada perjuangan kemerdekaan dan pembentukan negara ini, menjadi punca utama timbulnya kemelut politik yang

dihadapi sekarang ini. Jangan ditanya siapa yang bersalah dalam hal ini. Kita semua sebagai orang-orang Melayu yang beragama Islam adalah bertanggungjawab meimbulkan ancaman ke atas diri kita sendiri. Sebelum terlewat eloklah kembali ke pangkal jalan. Tetapi bagaimana?

### **Ancaman Orang-orang Bukan Islam.**

Kegagalan dalam usaha menyatu-padu rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum dan agama di negara ini menyebabkan pertentangan dan polarisasi antara penduduk berterusan sebagaimana keadaannya semasa pemerintahan penjajah. Bezanya di zaman itu, orang-orang bukan Islam tidak mempunyai kuasa untuk membuat pelbagai tuntutan dan pihak British juga tidak membenarkan orang-orang Cina dan India berbuat demikian. Tetapi setelah merdeka dan mereka diterima sebagai rakyat negara ini, mereka mempunyai hak yang sama dengan orang-orang Melayu. Mereka tidak lagi menghiraukan bahawa hak itu diberikan dengan syarat bahawa mereka harus menerima acuan keislaman dan kemelayuan negara ini. Mereka anggap syarat itu sudah lapok. Sebagai rakyat mereka mesti mempunyai hak yang sama dengan orang-orang Melayu tanpa mempunyai apa-apa peruntukan undang-undang bahawa satu kaum mempunyai hak istimewa dan yang lain tidak. Hak istimewa seumpama itu adalah diskriminasi yang tidak lagi sesuai dengan demokrasi dan bertentangan dengan hak asasi manusia.

Pandangan ini turut dikongsi oleh sebahagian kecil orang-orang Melayu yang merasakan diri mereka lebih maju daripada orang-orang Barat dalam perjuangan menegakkan demokrasi, kebebasan beragama, persamaan gendar dan hak asasi manusia. Jika di Barat, masih bertapak perasaan dan pemikiran bahawa orang-orang kulit putih itu adalah lebih istimewa daripada orang lain, tetapi segelintir orang-orang Melayu yang lupa daratan ini merasakan bahawa perasaan itu adalah asabiyyah yang tidak layak lagi berada di dalam pemikiran manusia masa kini. Mereka lebih ke hadapan daripada orang-orang Barat dalam pembinaan jiwa persamaan. Semua agama adalah sama, tiada rakyat yang lebih istimewa daripada yang lain. Mereka berganding bahu dengan orang-orang bukan Islam menuntut supaya acuan keislaman dan kemelayuan dalam Perlembagaan negara ini dihapuskan.

Mereka bersikap lebih melampau daripada orang-orang bukan Islam itu, kerana membuat tawaran yang lumayan untuk menyerahkan hak-hak orang Melayu supaya dinikmati bersama oleh orang-orang bukan Islam jika mereka berkuasa.

Mereka bersikap lebih melampau daripada orang-orang bukan Islam, kerana tidak mengambil kira dalam membuat tawaran itu, ada sebahagian daripada orang-orang bukan Islam, yang menghormati agama Islam sebagai agama negara dan mengiktiraf hak-hak istimewa orang-orang Melayu di negara ini. Bagaimana pun mereka mengharapkan acuan keislaman dan kemelayuan itu hendaklah menjamin keadilan untuk mereka. Kajian yang dibuat oleh sekumpulan penyelidik dari UUM mengenai sikap orang-orang bukan Islam terhadap agama Islam, ternyata tidak semua orang-orang bukan Islam telah lupa syarat-syarat mereka diberi kerakyatan dan diterima sebagai rakyat negara ini.

Bagaimana pun dengan polarisasi kaum masih bermaharajalela di kalangan rakyat berbagai kaum di negara ini, masing-masing berjuang untuk menjaga kepentingan kaum masing dan berjuang untuk mengatasi kaum lain dalam semua bidang. Terutama bagi mendominasi kuasa politik dan ekonomi. Persaingan seumpama ini berlaku secara fitrah selagi penyatuan tidak dapat dilaksanakan dan gagal dicapai. Sesungguhnya penyatuan itu suatu nikmat yang besar dan faedah yang signifikan jika berjaya dicapai sebagaimana dicapai kaum Muhibbin dan Ansar yang disebutkan di dalam al-Qur'an,

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ  
 عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْرَاجًا  
 وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَاعَ حُرْفَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ  
 لَكُمْ أَيَّتِيهِ لَعَلَّكُمْ تَهَدُونَ

١٣

Dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, Maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu Karena nikmat Allah, orang-orang yang bersaudara; dan kamu Telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu dari padanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.

(Al'Imran 3: 103)

Dua kaum atau lebih yang berbeza dan saling bersaing untuk menguasai antara satu dengan yang lain, memiliki perasaan membenci, mencuriga dan saling

tidak mempercayai antara satu dengan yang lain. Hakikat ini sememangnya wujud di kalangan pelbagai kaum di negara ini, setelah gagal usaha menyatukan mereka dan membina perasaan saling mempercayai di kalangan mereka. Justru, masing-masing bergantung kepada kelompok masing-masing dan mencurigai pihak yang lain di dalam kehidupan mereka dan sentiasa menginginkan kemenangan untuk diri mereka.

Proses sosialisasi politik yang dilalui oleh bukan Melayu membentuk satu budaya politik dalam kehidupan mereka yang berbaur perkauman. Bermula dengan sejarah penghijrahan sehingga mereka menapak sebagai warganegara negara ini, politik perkauman terus dibiarkan berlaku dan telah menjadi sebatи dalam semua aspek kehidupan. Sistem pendidikan yang berorientasikan kebang-saan kaum menyebabkan pergaulan mereka terhad di kalangan satu kaum sahaja. Selepas menamatkan alam persekolahan, persekitaran berbentuk perkauman terus mempengaruhi mereka melalui media-media cetak, elektronik, NGO-NGO perkauman, syarikat-syarikat swasta dan parti-parti politik perkauman. (Mohd. Redhuan Tee Abdullah (2010). Persekitaran seperti ini amat tidak sihat dan bukan sahaja mengundang konflik tetapi menjadi salah satu punca berlaku kemelut politik yang dialami sekarang.

Di kalangan orang-orang Cina, walaupun sudah beberapa generasi berada di negara ini meneruskan kehidupan berasaskan cara hidup Cina, yakni men-dapatkan pendidikan Cina, cara hidup dan berbudaya Cina, menyertai pertubuhan Cina dan membaca media Cina sebagai sebahagian cara hidup. Hanya 10-15 peratus yang tidak mendapat pendidikan Cina tetapi berpendidikan Inggeris, berlatar belakang agama Kristian dan termasuk Cina peranakan. Mereka tidak merasakan perlu menguasai bahasa Melayu sebab tidak ada nilai komersial. Mereka percaya orang-orang Cina tidak akan ke mana-mana sekadar menguasai bahasa Melayu. (Mohd. Redhuan Tee Abdullah (2010).

Kebebasan yang diberikan kepada orang-orang Cina di negara ini untuk hidup dengan cara mereka sendiri dan menikmati keberuntungan daripada kebebasan itu, tidak diperolehi mereka di negara-negara lain di dunia, walaupun di negara Cina sendiri. Sungguh pun begitu mereka masih tidak berpuas hati dengan kedudukan yang diperolehi. Rata-rata dapatan kuantitatif dan kualitatif menunjukkan bahawa orang-orang Cina masih berpersepsi berlaku diskriminasi, ketidaksaksamaan dan ketidaksamarataan antara Melayu dan bukan Melayu. (Mohd. Redhuan Tee Abdullah (2010)

Sikap orang-orang bukan Islam seperti yang diamalkan oleh kebanyakan orang-orang Cina menjadi ancaman kepada orang-orang Islam. Apa lagi, hak-hak mereka digadaikan oleh pemimpin-pemimpin politik Melayu sendiri, semata-mata untuk mendapatkan kuasa atau mengekalkan kuasa dengan memancing undi orang-orang bukan Melayu dan memujuk mereka dengan pelbagai janji yang mengorban hak orang-orang Melayu dan acuan keislaman dan kemelayuan dalam kerangka pembangunan tamadun negara ini. Sikap orang-orang bukan Islam yang tidak pernah puas dengan keberuntungan yang diperolehi mereka di negara dan permainan politik para politikus Melayu yang lebih mengutamakan kuasa politik daripada perjuangan mempertahankan hak, menjadi ancaman besar kepada umat Islam kini dan masa hadapan.

Ancaman orang-orang bukan Islam untuk menjadi kuasa dominan di negara ini dalam semua lapangan, termasuk menguasai politik dan pengkhianatan yang sedang dilakukan oleh politikus-politikus Melayu dengan membuat tawaran-tawaran lumayan kepada orang-orang bukan Melayu untuk membeli undi mereka, seharusnya ditentang oleh setiap orang Islam. Mereka tidak seharusnya terikut-ikut dengan rentak politik yang merugikan Islam dan orang-orang Melayu. Mereka seharusnya bangkit menyedarkan orang-orang Melayu dan menginsafkan politikus-politikus Melayu supaya jangan bermain dengan api yang akan membakar bangsa mereka dan diri mereka sendiri. Mereka mesti mempertahankan acuan keislaman dan kemelayuan negara ini dan kekal menjadi kerangka pe-mikiran dan pembangunan bangsa Malaysia yang bersatu di masa hadapan. Ia harus dipertahankan sebagai kerangka yang menyatu-padukan rakyat Malaysia dan membentuk budaya mereka. Orang-orang Islam mesti yakin dengan keupayaan dan kemampuan kerangka ini untuk menegakkan keadilan. Juga untuk pembangunan dan kemaraan negara ini menuju masa hadapannya sebagai bangsa yang merdeka dalam erti kata yang sebenarnya.

## **Kekuatan Islam.**

Kekuatan teras bagi masyarakat Islam untuk mendepani ancaman yang sedang mengakis kedudukannya dan mencabar masa hadapannya ialah agamnya iaitu Islam. Islam adalah jatidiri orang-orang Melayu. Tanpa Islam, orang-orang Melayu seolah-olah jasad tanpa roh dalam erti kata kehidupannya kosong dan tidak punya kekuatan tempat bersandar. Ini ialah kerana Islamlah yang memberikan kepada orang-orang Melayu pandangan dan pegangan hidup dan memiliki tradisi ilmu sehingga mereka pernah membangunkan tamadun Melayu/Islam yang unik di alam Melayu ini. Tamadun Islam yang dibangunkan oleh orang-orang Melayu di zaman

Kerajaan Melayu Melaka, Aceh dan lain-lain bukan tamadun lekeh, terutama dilihat dari aspek pemikiran, kerohanian dan pembangunan jiwa umat. Kekuatan Islam ini perlu dikembalikan oleh orang-orang Melayu di dalam mendepanikemelut politik dewasa ini.

Tetapi kekuatan sebenar yang digerakkan oleh Islam itu berpunca daripada ajarannya yang suci berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang terpelihara dengan teguh di dalam aliran kefahaman Ahlu al-Sunnah Wal Jama'ah. Bukan ajaran yang dicemari dengan pelbagai kefahaman yang memesungkan akidah dan ibadah umat, terutama tafsiran-tafsiran yang dipengaruhi faham-faham pasca-modenisme, liberalisme/pluralisme dan sebagainya. Pencemaran akidah yang dibawa aliran-aliran ini, sebenarnya adalah dirancang oleh musuh-musuh Islam untuk melemahkan Islam dari dalam dengan mempromosikan faham Islam liberal yang berusaha merombak kefahaman Islam dari akar umbinya dan membina kembali akidah dan pemikiran masyarakat Islam di luar tradisi keilmuan dan kerangka kefahaman para sahabat al-akhyar, generasi al-Salaf al-Soleh dan generasi al-Khalaf yang meneruskan perjuangan mereka memelihara kesucian Islam dari semasa ke semasa.

Sumber kekuatan Islam yang utama ialah kemurnian akidahnya dan ketinggian akhlaknya yang mempunyai kekuatan *al-Thabat*, yang tidak terungkai dan berubah dengan perubahan zaman dan tempat. Sedangkan syari'atnya dibina di atas prinsip-prinsip yang teguh dan berkembang di dalam keadaan murunah yang sentiasa anjal dalam mendepani perubahan. Kekuatan ini seharusnya dikembalikan semula kepada umat Islam di negara ini dengan cara-cara dan mekanisme yang telah ditentukan oleh Islam iaitu dakwah. Justeru, dakwah adalah tersangat penting untuk mengembalikan kekuatan teras ini supaya dimiliki semula oleh masyarakat Islam bagi mendepani cabaran yang dihadapinya. Dakwah yang menggerakkan kekuatan Islam ini, pastinya akan mencetuskan tenaga besar yang mampu mengisi dengan berkesan kerangka keislaman dan kemelayuan negara ini sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaannya tanpa diganggu gugat oleh orang-orang kafir dan kuncu-kuncunya.

## Dakwah dan Islam Politik

Dakwah sebagai mekanisma penghayataan dan penyebaran cara hidup Islam, bukan gerakan Islam politik sebagaimana yang diperlakukan dalam realiti kehidupan kaum Muslimin sekarang. Dakwah merupakan gerakan yang berdisiplin dan iltizam kepada prinsip, pendekatan dan amalan yang digariskan di dalam al-Qu'an dan al-Sunnah. Ia tidak terikat kepada mana-mana ideologi dan kefahaman yang di luar

daripada ajaran Islam. Sebagaimana kata Abdul Karim Zaidan, Islam ialah tujuan dakwah dan hakikatnya dan inilah tonggak pertama bagi dakwah. (Abdul Karim Zaidan (1987), hal. 5) Rasulullah s.a.w menggerakkan dakwah kepada Islam dengan cara, uslub dan manhaj yang telah diwahyukan kepadanya oleh Allah S.w.T dan termaktub di dalam al-Qur'an. (Ibid)

Salah satu daripada fungsi utama dakwah ialah mengajak manusia supaya mengamalkan makruf dan mencegah munkar. Ia bukan sahaja menjadi tugas sesuatu golongan di dalam masyarakat Islam, tetapi menjadi tugas ummah keseluruhannya. Tidak memadai bagi seorang Muslim itu hanya menjalani kehidu-pan yang soleh dan bertaqwah semata-mata untuk dirinya. Bahkan ia mestilah berkerja untuk memandu, memimpin dan membawa petunjuk kepada alam seluruhnya. Ia adalah pengabdi yang zuhud dan diwaktu yang sama pemimpin dan pembimbing. (Al-Sayyid Jalal al-Din al-'Amri, (1400H),h.19)

Kepentingn al-'amru bi al-makruf dan al-nahyu 'ani al-munkar dinyatakan oleh Imam al-Ghazali seperti berikut; "Al-amru bi al-makruf dan al-nahyu 'ani al-munkar adalah paksi terbesar agama ini. Ia adalah tugas yang untuknya Allah S.w.T mengutus para nabi sekaliannya. Jika digolong tikarnya, diabaikan ilmu dan amalannya, terbengkalailah tugas kenabian, merusutlah keagamaan, meluaslah kelemahan, berleluasalah kesesatan.Lalu binasalah kehidupan hamba. Mereka mungkin tidak merasai kemusnahan, melainkan pada hari perhitungan. Inilah yang paling kita takut ianya berlaku,dan sesungguhnya kita untuk Allah S.w.T dan kepadaNya kita kembali. Jika ini berlaku terhapuslah daripada paksi ini amalan dan ilmunya dan termusnah sama sekali bentuk dan hakikatnya. Lalu hati dikuasai akhlak yang tiada ketegasan, dan terhapus amalan meraqabah Pencipta. Maka mudahlah manusia mengikut hawanafsu dan syahawat sebagaimana binatang. Betapa mulianya di muka bumi ini orang beriman yang sebenar-benar beriman yang tidak peduli celaan orang demi mendapat keredhaan Allah S.w.T. (Al-Ghazali, Ehya' Ulumu al-Din, Juzu' 2, h.269) dan Islam yang murni yang dipegang oleh orang-orang beriman dengan teguh dan dipatuhi dengan tekun itulah yang mencetuskan kekuatan yang diperlukan umat Islam masa kini.

Apakah umat Islam memerlukan kuasa politik untuk melaksanakan tugas al-'amru bi al-makruf dan al-nahyu 'ani al-munkar? Bagaimanakah manhaj dakwah bagi memperolehi kuasa tersebut?

Tidak syak lagi tugas berdakwah ke jalan Allah S.w.T dan melaksanakan fungsi utamanya menegakkan makruf dan mencegah munkar memerlukan kuasa politik

sebagai kekuatan yang menggerakkannya. Tetapi kekuatan kuasa politik itu mestilah tidak terpisah daripada kekuatan Islam itu sendiri dan dicapai di dalam kerangka ketaatan dan kepatuhan kepada akidah, akhlak dan syari'atnya. Ia bukan kuasa politik yang dihasilkan menerusi jalan-jalan dan amalan tercela dan munkar. Ia bukan kuasa yang diperolehi melalui "matlamat mengharuskan semua cara." Bagaimanakah kuasa politik itu mampu menegakkan makruf dan mencegah mungkar sedangkan kuasa itu diperolehi melalui cara-cara yang kotor, penuh kezaliman dan pengkhianatan terhadap perjuangan umat. Justeru, kuasa politik itu mestilah terpancar daripada keinsafan dan pencerahan yang dibina dan dibentuk melalui dakwah yang perpaut teguh kepada ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah. Jika tidak, kuasa politik itu akan muncul sebagai kekuatan yang menghalang pelaksanaan kerangka keislaman dan kemelayuan negara ini, walaupun kuasa tersebut diperolehi oleh gerakan Islam politik.

Kuasa politik yang diperolehi melalui keinsfan dan pencerahan yang dibina dan dibentuk melalui dakwah, diperolehi melalui perpaduan dan kesatuan um-mah. Bukan kuasa politik yang diperolehi melalui perpecahan ummah, pengkhianatan terhadap perjuangannya serta koliberasi dengan orang-orang kafir untuk memusnahkan kuasa politik umat, semata-mata untuk menunaikan tuntutan permusuhan dan dendam kesumat serta kebencian yang muncul daripada permusuhan sesama orang-orang Islam.

Umat yang berpecah-belah tidak berhak tegak di bumi Allah S.w.T. Mereka akan dikuasai oleh kuasa asing. Mereka akan diperintah, menjadi pak-turut dan dijajah. Mereka akan dinafikan hak untuk melaaksanakan sistem politik yang mereka ingin laksanakan dan tegakkan di bumi mereka (Al-Sayed jalal al-Din al-'Amri, (1400H). Allah S.w.T berfirman,

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَأَخْتَلُفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ  
 وَأُولَئِكَ هُمُ عَذَابٌ عَظِيمٌ

10

*Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. mereka Itulah orang-orang yang mendapat siksa yang berat, (Al'Imran 3: 105)*

Fakhru al-Din Al-Razi menafsirkan bahawa apabila Allah S.w.T memerintahkan dengan perintah menegakkan makruf dan mencegah munkar, perintah itu tidak dapat disempurnakan melainkan jika orang yang dipertanggungjawabkan dengan perintah ini mampu melaksanakannya ke atas orang-orang zalim dan sompong. Ini tidak akan berhasil melainkan apabila terbina rasa kasih sayang dan mahabbah di kalangan ahli al-haq dan ahli agama. Tidak syak lagi bahawa Allah S.w.T mengingatkan mereka supaya tidak berpecah dan berselisih supaya perkara itu tidak menjadi sebab ketidak-upayaan mereka menjalankan tanggungjawab ini. (Fakhru al-Din al-Razi,1308H).

Allah S.w.T berfirman,

الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّتْهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِنْ وَزَّوْا الزَّكُوْةَ  
 وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عِصْبَةُ الْأُمُورِ  
 ٤١

(yaitu) orang-orang yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi niscaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar; dan kepada Allah-lah kembali segala urusan.(Al-Haj 22:41)

Ayat di atas menghuraikan tindakan politik yang akan dilaksanakan oleh umat Islam setelah memegang tampuk kuasa dan menghuraikan matlamat sebuah kerajaan Islam, tabiatnya, amalannya dan kegiatannya dan apa yang disediakan daripada sumber dan cara-caranya.( Al-Sayyid Jalal-Din al-“amri, 1400H) yang berlandaskan kepada empat perkara pokok. Pertama, menegakkan solat yang merupakan tiang bagi kehidupan beragama bagi setiap individu muslim. Kedua setiap individu muslim mempunyai iltizam terhadap masyarakatnya, menerusi jaminan dan keadilan sosial. Perkara ketiga dan keempat merupakan iltizam masyarakat Islam keseluruhannya kepada perlakuan politik dan sosial untuk menegakkan makruf dan mencegah mungkar dalam semua lapangan kehidupan, dengan membina sistem kehidupan dan mengawal tingkah-laku masyarakat berdasarkan akidah, akhlak dan syari'at Islam.

Al-Allamah Ahmad Mustafa al-Maraghi merengkaskan pengertian yang digarsikan oleh ayat ini dengan menyebut, “Mereka adalah orang-orang yang menyempurnakan diri mereka dengan mendekatkan diri kepada Tuhan yang disembah dan menghadap kepadaNya sedaya upaya ketika bersolat. Mereka juga

adalah orang yang menolong umat dengan memberi bantuan kepada fakir miskin di kalangan mereka dan melengkapkan yang lain dengan ilmu dan kesopanan mencegah kerosakan yang menghalang yang lain daripada mereka dari mencapai kemajuan akhlak dan kesopanan yang tinggi.” (Ahmad Mustafa al-Maraghi, (1946). Kuasa politik Islam bukan kuasa memusnahkan, menimbulkan kerosakan dan kepincangan, membiarkan rakyat terlantar dengan kemiskinan dan kesempitan dunia sehingga tergadai maruah dan kehormatan. Sebaliknya kuasa politik Islam digunakan untuk membawa rahmat kepada seluruh alam, menegakkan kea-dilan dan membersihkan dalamannya daripada semua elemen-elemen kezaliman dan perlakuannya dalam apa bentuk sekalipun.

Kuasa politik seperti yang digariskan di atas hanya mencul daripada kesedaran dan pencerahan dakwah yang dilaksanakan menerusi manhaj bijak-sana, nasihat yang baik dan dialog yang terbaik sepermata firman Allah S.w.T

أَدْعُ إِلَىٰ سَيِّلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَسَنَةِ وَجَهِّذُهُمْ  
 بِالْتِي هِيَ أَحَسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ  
 أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

١٢٥

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah[845] dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.(al-Nahl 16:125)

Ia muncul daripada para pendakwah yang mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi mengenai apa yang disampaikan itu, mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing, dengan membawa hujjah yang nyata. Allah S.w.T berfirman,

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُ إِلَىٰ اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَنَ  
 اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشَرِّكِينَ

١٠٨

*Katakanlah: "Inilah jalan (agama) ku, Aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujjah yang nyata, Maha Suci Allah, dan Aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik".(Yusuf 12:108)*

Kesedaran yang tinggi adalah isntrumen dakwah yang penting, sehingga semangat Islam yang berkubar tidak diletakkan pada tempat yang salah. Jika semangat perjuangan Islam berada di tempat yang tinggi, tetapi tidak didokong oleh thaqafah yang tinggi, kemungkinan berlaku apa yang telah berlaku. Orang-orang Islam dikafirkan dan orang-orang bukan Islam dijadikan teman perjuangan, kekasih yang tidak dapat berpisah lagi. Sedangkan sesame Islam ditentang dengan penuh kebencian dan didoakan untuk dimusnahkan, semata-mata kerana persepsi negetif yang tidak mempunyai hujjah yang jelas.

### **Dakwah untuk semua dan semua berperanan penting.**

Tidak ada sempadan bagi pergerakan dakwah. Ini ialah kerana Islam diturunkan untuk kesemua manusia di seluruh alam. Justeru, perbezaan antara dakwah dan Islam politik, tidak bermakna para pendakwah tidak dibenarkan menyertai parti-parti politik. Tetapi penyertaan mereka di mana-mana lapangan dan pergerakan juga adalah untuk berdakwah dan memancarkan pencerahan dakwah supaya perjalanan parti politik itu mengikut Sunnah dan berpegang teguh kepada pegangan Ahlu Sunnah Wa al-Jama'ah. Mereka mestilah bertindak bijaksana dan memastikan parti politik yang disertai itu mengamalkan dasar-dasar dan perjuangan bijaksana untuk memelihara kedaulatan Islam, kepentingan dan hak orang-orang Islam serta bergerak dengan gigih untuk mengisi kerangka keislaman dan kemelayuan negara ini. Mereka memainkan peranan politik dakwah dan bukannya memperalatkan dakwah untuk kepentingan politik. Mereka mestilah mempengaruhi parti politik yang disertai supaya menimbulkan kebangkitan dan pencerahan yang terpancar daripada gerakan dakwah yang mematuhi manhaj dakwah yang diwarisi daripada generasi awalan Islam dan berkembang selepas mereka dalam kerangka pemikiran Ahlu Sunnah Wa al-Jama'ah.

Melihat kepada kepentingan dakwah yang begitu penting dalam menghadapi ancaman dan kemelut politik di negara ini, gerakan dakwah perlu diperkasakan dan berpeanan aktif kembali bagi menyedarkan umat dan mencerahkan perjalanan hidup mereka. Dakwah bukan sahaja perlu bergerak di kalangan orang-orang Islam, tetapi di

dalam masyarakat pelbagai agama dan kaum untuk mengajak mereka menganut Islam. Pengislaman adalah satu agenda politik dakwah ( bukan dakwah politik) yang perlu dilihat secara serius demi untuk memastikan proses pembangunan dalam keangka keislaman dan kemelayuan dapat digerakkan dengan penuh kesungguhan. Jika 20% sahaja daripada orang-orang bukan Islam di negara ini diislamkan, scenario politik akan berubah dan sebahagian besar kemelut politik di negara ini akan dapat diatasi. Orang-orang Islam berperanan menyampaikan dakwah dengan perkataan dan perbuatan serta contoh teladan yang baik. Orang-orang bukan Islam juga berkewajipan mendengar dan menerima seruan Islam untuk kebaikan diri mereka dan negara ini.

Dakwah mestilah masuk dengan penuh bijaksana ke dalam istana raja-raja Melayu yang memegang kuasa mengenai hal ehwal Islam. Kuasa ini tidak boleh disentuh oleh orang-orang politik. Pendakwah hendaklah menyampaikan kesedaran kepada masyarakat istana dan memancarkan cahaya pencerahan di kalangan masyarakat istana ini supaya kuasa memelihara dan mengembangkan agama itu, tidak disimpan sahaja dalam catitan Perlembagaan negara. Ia hendaklah digunakan sepenuhnya untuk mempertahankan Islam dan memper-kasakan penghayatannya sebagai agama negara.

Masyarakat istana mestilah ditiupkan semangat dakwah dan jihad serta disuntik kesedaran mengenai taanggungjawab mereka yang besar di hadapan Allah S.w.T setelah mereka diamanahkan menjaga dan memelihara agama Islam. Para ulama mestilah berada bersama mereka memberi nasihat dan bimbingan agar amanah yang dipikul oleh raja-raja itu dilaksanakan. Raja-raja Melayu perlu dibina dan dibentuk supaya mereka menjadi sumber kekuatan bagi gerakan dakwah di negara ini dan penggerak kebangkitan rakyat supaya turut mendokong perjuangan dakwah. Bukan sahaja bagi menghadapi kemelut masa kini, bahkan untuk memastikan pembangunan dan hala tuju negara ini bergerak ke arah memenuhi kerangka keislaman dan kemelayuan sebagaimana yang distrukturkan dalam Perlembagaan negara.

Sudah tiba masanya raja-raja Melayu melihat kembali peranan mereka dengan serius dan memahami amanah yang dipikul oleh mereka sebagai pelindung agama Allah S.w.T. Mereka seharusnya diberi kesedaran bahawa kuasa yang ada di tangan mereka adalah besar dan mampu membetulkan kepincangan dan menyelamatkan negara dari hala menurun yang kian membesar dalam masyarakat kita di lapangan politik dan sosial. Mereka seharusnya keluar daripada kepompong ceremonial dan upacaara serta tanggapan bahawa raja berpelem-bagaan ialah raja yang tiada kuasa

melainkan hanya symbol sahaja. Sebenarnya, mereka mempunyai kuasa yang penting di dalam pentadbiran Islam. Sedangkan pengertian Islam itu sendiri, tidak terbatas hanya kepada ibadat ritual sahaja. Pembangunan yang dilaksanakan dalam kerangka keislaman, tidak hanya pembinaan masjid, surau dan sekolah agama semata-mata. Kuasa melindungi dan memelihara agama Islam merangkumi lapangan yang luas kerana Islam itu adalah cara hidup.

Jika orang-orang politik telah mengkhianati perjuangan kemerdekaan dan meminggirkan acuan keislaman dan kemelayuan negara ini, raja-raja Melayu perlu bangkit bersama para pendakwah, ulama dan rakyat untuk menghentikan pengkhianatan itu dan menggunakan kuasa mereka untuk mengembalikan hala tuju pembangunan negara ini supaya mematuhi kerangka keislaman dan kemelayuan sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan.

Raja-raja Melayu hendaklah memikul amanah memelihara dan mempertahankan agama Islam dengan penuh tanggungjawab. Sumber kewangan yang besar hendaklah digembelingkan menerusi zakat, wakaf dan sebagainya bagi membayai gerakan dakwah iaitu gerakan pencerahan dan penyelamat umat yang sedang berhadapan dengan cabaran getir akibat pengkhianatan orang-orang politik yang mamperdagangkan hak-hak umat di pasaran kuasa. Kadar 2.5% daripada harta orang-orang Islam sudah mencukupi untuk pembiayaan gerakan dakwah pencerahan dan kesedaran umat, asalkan pendapatan zakat itu tidak disalah gunakan untuk tujuan-tujuan yang tidak memenuhi kepentingan perjua-ngan ini.

Apa pun yang hendak kita lakukan sokongan massa tetap penting. Untuk itu kesedaran dan pencerahan massa suatu yang mesti dilakukan. Para ulama', dan gerakan-gerakan dakwah Islam bersama raja-raja Melayu mempunyai tanggung-jawab besar untuk mengembangkan pencerahan dan kesedaran di kalangan rakyat supaya ancaman terhadap orang-orang Islam dapat dihalang dengan berkesan dan tiada lagi kedengaran suara-suara sumbang dari kalangan orang-orang bukan Islam yang bertindak melampau untuk menghapuskan kedudukan istimewa orang-orang Islam di negara ini. Kita harus mempertahankan bahawa negara ini adalah negara Islam dan penmgisian keislaman dan kemelayuan itu seharusnya menjadi agenda yang berterusan dan dilaksanakan dengan penuh keadilan, termasuk keadilan kepada mereka yang tidak beragama Islam.

Pencerahan dakwah di kalangan rakyat, akan turut memberi kesedaran kepada parti-parti politik yang sedang menari mengikut rentak yang sumbang dan membahayakan kedudukan Islam dan hak istimewa orang-orang Melayu. Mereka harus diinsafkan bahawa perjuangan politik tidak akan bermakna kepada umat,

sekiranya hak-hak dan perjuangan umat dijadikan barang yang diperdagangkan di pasaran kuasa. Kuasa politik orang-orang Islam hendaklah menjadi penggerak dan pelindung kepada kemaraan negara ini di dalam kerangka keislaman dan kemelayuannya, untuk muncul sebagai negara Islam maju di abda ini dan terus mara ke hadapan di abad-abad akan datang sebagai contoh negara yang adil, saksama dan maju.

Dakwah harus melibarkan gerakan pencerahan dan kesedaran kepada generasi muda sama ada yang terpelajar atau yang terpinggir menjadi remaja rempit dan sebagainya. Mereka adalah potensi umat yang tidak boleh dibiarkan hancur dan tersisih sehingga membebani masyarakat. Kebejatan yang berlaku di dalam masyarakat di kalangan para remaja adalah penyakit yang boleh disembuhkan. Dengan pencerahan dakwah mendampingi mereka, jalan penyembuhan pasti akan dilihat oleh mereka dengan jelas. Dengan suntikan kewarasn akal dari cahaya pencerahan dakwah mereka mampu keluar daripada kebejatan yang mereka sedang terperangkap di dalamnya.

### **Kesimpulan dan cadangan.**

- Kerangka keislaman dan kemelayuan negara ini adalah asas pembentukan negara Malaysia yang telah distuktur di dalam Perlembagaan dan ia menjadi kerangka penyatuan masyarakat berbilang kaum di negara ini.
- Pengisian bagi memenuhi kerangka itu, tidak ditentang oleh orang-orang bukan Islam, selagi usaha ke arah itu terus beriltizam dengan prinsip keadilan yang menjadi salah satu elemen penting dalam pemerintahan Islam. Ini terbukti dengan penglibatan aktif orang-orang bukan Islam di dalam pembangunan industri kewangan Islam dan takaful, serta pembangunan industri halal.
- Yang menimbulkan masalah yang membawa kepada penentangan dan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat, berpunca daripada hala tuju menurun dalam penghayatan keislaman dan kemelayuan yang ditetapkan itu. Kebejatan sosial, kemerusutan akhlak, peningkatan kadar jenayah, rasuah, ketidak-seimbangan ekonomi di kalangan pelbagai kaum, keresahan generasi muda mendapat pekerjaan, kesulitan memiliki rumah sendiri dan sebagainya, menimbulkan kegelisahan masyarakat dan keresahan yang mengundang kemelut politik dan sosial.
- Pengaruh faham pasca-modernism yang melihat kenisbian nilai-nilai menyebabkan muncul pelampau-pelampau liberlis yang membuat tuntutan se-hingga

tidak menghormati nilai-nilai agama. Ini juga menjadi sebab timbulnya kemelut politik dan budaya yang menggusarkan, seperti perkembangan faham Islam liberal/pluralism, free seksualism, keharusan perkahwinan sejenis, keharusan homoseksual, lesbian dan lain-lain. Faham-faham ini disebarluaskan dengan berselindung disebalik perjuangan hak asasi manusia, kebebasan, persamaan gendar dan demokrasi. Pengaruh faham ini menjadi penyebab utama menimbulkan kemelut yang membawa virus yang menggugat kesetabilan politik negara ini.

- Kemelut yang berlaku menjadi bertambah gusar apabila parti-parti politik mengambil kesempatan daripada keadaan itu untuk memancing undi. Yang lebih membimbangkan pemimpin-pemimpin politik yang bertelagah ber-lumba menawarkan pelbagai hadiah jika mereka disokong untuk berkuasa. Tawaran hadiah itu termasuk hak-hak orang Melayu dan menjanjikan kesamarataan di kalangan semua kaum dan menghapuskan keistimewaan sesuatu kaum ke atas yang lain. Tawaran ini menjelaskan kedudukan dan hak orang-orang Melayu. Sekali-gus menimbulkan kerisauan di kalangan orang-orang Melayu.
- Untuk mempertahankan hak orang-orang Melayu/Islam, perlu ada kese-daran baru di kalangan orang-orang Melayu/ Islam dan pencerahan yang terpancar daripada gerakan dakwah. Gerakan ini perlu disusun semula dan digerakkan secara besar-besaran dan berkesan. Ia hendaklah digerakkan sebagai gerakan dakwah nasional yang melibatkan semua pihak dengan dokongan kuasa raja-raja Melayu yang telah diamanahkan oleh perjuangan kemerdekaan untuk menjadi pelindung agama Islam. Gerakan dakwah nasional yang didokong oleh raja-raja Melayu, para ulama dan rakyat, akan muncul sebagai tenaga pencerahan yang akan menggerakkan kembali pengisian kerangka keislaman dan kemelayuan dalam pembinaan tamadun dan pembangunan negara ini.
- Bagi menggerakkan dakwah nasional secara berkesan, hendaklah ditubuhkan Majlis Dakwah Nasional dan majlis ini ditubuhkan dengan perkenan raja-raja Melayu, serta diletakkan secara langsung di bawah Majlis Raja-raja Melayu tanpa melibatkan kuasa orang-orang politik. Majlis ini bertindak sebagai sekretariat yang akan menyelaras dan membiayai gerakan dakwah oleh badan-badan dakwah dan para alim ulama' dengan pendekatan yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah, manhaj Ahlu al-Sunnah wa al-Jama'ah.
- Sebahagian daripada hasil kutipaan zakat, wakaf dan tabarru' hendaklah digunakan untuk membiayai gerakan dakwah ini. Usaha-usaha hendaklah dilakukan bagi menghasilkan dana kewangan dakwah yang kukuh dan bebas tanpa bergantung kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan politik yang boleh mengganggu atau menghalang usaha-usaha pencerahan kembali orang-orang Islam melalui dakwah Islamiah.

- Mereka yang menjalankan pengurusan Majlis ini hendaklah terdiri daripada pakar-pakar dan pendakwah-pendakwah berpengalaman dan mempunyai pendekatan dakwah yang bebas daripada pengaruh politik kepartian. Mereka hendaklah bebas daripada kepentingan politik kepartian itu dan berkerja dengan ilkhlas dengan melaksanakan perancangan dan gerakan yang berkesan terhadap usaha-usaha pencerahan kembali umat Islam.

اللهم أرنا الحق حقاً وارزقنا اتباعه وأرنا الباطل باطلاً وارزقنا اجتنابه وصلى الله على خير خلقه محمد صلى الله عليه وعلى آله وصحبه أجمعين

### Buku-buku Rujukan

- 1- Abdul Karim Zaidan Usul al-Da'wah, Al-Mansurah, 1408H/1987.
- 2- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Ehya' Ulumu al-Din, Dar al-Kitab al-'Arabiyy, Misr, 1334H.
- 3- Al-Sayyid Jalalud-Din Al-'Amri, Al-Imru Bi al-Ma'ruf Wa al-Nahyu 'Ani al-Munkar. Al-Kuwuit, 1400H.
- 4- Ahmad Mustafa Al-Maraghi Tafsir al-Maraghi, Kaherah, 1947.
- 5- BNM The Islamic Financial System2003 (excerpt from BNM Annual Report 2003, 2004 and 2005)
- 6- Takaful Laporan Tahunan 2004.
- 7- Fakhru al-Din Al-Razi Mafatih al-Ghaib, Matba'ah Al-'Amirah Bi Misr, 1308,
- 8- Fuadah Johari & Zakat Sebagai Motivasi Pembangunan Ekonomi Umat Patmawati Hj. Islam. Dlm, "Islam di Malaysia Pasca Kemerdekaan." Ibrahim. Disunting oleh Kamarudin Salleh, Mazlan Ibrahim dan Indriaty Ismail, Jabatan Usuludin Dan Falsafah UKM Bangi, 2007.
- 9- Isahak Haron Prestasi Pelajar Melayu/ Bumiputera Di Peringkat 11- Sekolah Rendah (UPSR),Menengah (PMR,SPM Dan STPM dan Institusi Pendidikan Tinggi, Dlm. Laporan Kongres Pendidikan Melayu, 1-2 September, 2001, Kuala Lumpur 2001.
- 10- MATRED Malaysian Exports of Halal Products Directory, Malaysian External Trade Development Corporation, Kuala Lumpur, 2006.
- 11- Mohd.Redhuan Tee Abdullah "Persepsi Bukan Melayu Terhadap Gerakan Politik Melayu" dlm. Prisiding Persidangan Antarabangs Islam Dalam Masyarakat Malaysia (PAIMM)5-6 Oktober, Jilid 2, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastra dan Sains Sosial, UM, Kuala Lumpur.
- 12- Utusan Karya Pemikir, Bil 69, Keluaran Julai- September, 2012.

- 13- Zawiyah H.Mat Islam di Malaysia: Satu Transformasi Sosial Masyarakat Melayu Era Pasca Kemerdekaan, dlm, Islam Pasca Kemerdekaan. Penyunting, Mazlan Ibrahim & Kamarudin Salleh, Shah Alam, 2008.
- 14- Zamri Arifin Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Malaysia Selepas Merdeka: Kajian Sumber k Buku, dlm, Islam Pasca Kemerdekaan.Penyunting, Mazlan Ibrahim & Kamarudin Salleh, Shah Alam, 2008.